



**PROSEDUR PENSIJILAN HALAL MALAYSIA  
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN (PKP) COVID-19 BAGI NEGERI  
PULAU PINANG**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG**

## 1.0 PENDAHULUAN

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diisytiharkan oleh Kerajaan bermula pada tarikh 13 Januari sehingga 26 Januari 2021, Bahagian Pengurusan Halal, JHEAIPP memutuskan bahawa urusan permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) adalah digalakkan untuk dihantar melalui e-mel (hari bekerja sahaja) atau secara pos/ kurier. Kaunter khidmat pelanggan di Bahagian Pengurusan Halal (BPH) akan beroperasi seperti biasa:

Isnin – Jumaat:

9.00 pagi – 1.00 petang

SOP semasa berurusan di kaunter:

- ✓ Pelanggan perlu mencuci tangan menggunakan cecair pembasmi (*hand sanitizer*) yang disediakan di luar pintu sebelum dan selepas berurusan di kaunter;
- ✓ Pelanggan dikehendaki untuk sentiasa memakai penutup hidung dan mulut (*face mask*);
- ✓ Pelanggan hendaklah mengisi maklumat di Buku Daftar Masuk yang telah disediakan atau mengimbas kod QR MySejahtera Bahagian Pengurusan Halal;
- ✓ Pelanggan hanya digalakkan untuk membuat penyerahan dokumen permohonan sahaja;
- ✓ Bilangan pelanggan yang berurusan di kaunter/ ruang menunggu dihadkan kepada 4 orang sahaja pada satu-satu masa;
- ✓ Tempoh masa yang diperuntukkan bagi berurusan di kaunter hendaklah kurang daripada 10 minit; dan
- ✓ Sebarang pertanyaan hendaklah dibuat melalui e-mel/ panggilan telefon di talian 04-2505451/ 5454.

## 2.0 PROSEDUR PERMOHONAN PENSIJILAN HALAL MALAYSIA

Berikut merupakan (4) Empat Prosedur Utama Permohonan Pensijilan Halal Malaysia sepanjang tempoh PKP: -

### 2.1 PERMOHONAN

2.1.1 Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan secara atas talian di: [www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my)

2.1.2 Dokumen sokongan hendaklah dihantar secara e-mel ke: [ehalal@penang.gov.my](mailto:ehalal@penang.gov.my)

2.1.3 Dokumen sokongan yang perlu dihantar adalah seperti berikut:

- a) Bagi permohonan baharu/ tambah kilang/ tukar kilang: -
  - i. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM);
  - ii. Salinan Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
  - iii. Penyata kewangan syarikat (*revenue/ sales*); dan
  - iv. Peta lokasi premis/ kilang.

\* Dokumen sokongan lain seperti yang dinyatakan dalam sistem permohonan perlu disediakan dan diserahkan semasa audit lapangan dijalankan (selepas tamat tempoh PKP)

- b) Bagi permohonan pembaharuan/ penambahan produk/ penambahan menu: -

- i. Penyata kewangan syarikat;
- ii. Contoh grafik/ *artwork* label pembungkusan (hanya bagi permohonan penambahan produk);
- iii. Surat aku janji yang menyatakan bahawa kesemua maklumat adalah benar dan telah disemak serta status bahan mentah tidak meragukan. (Surat aku janji boleh dicetak melalui sistem permohonan pemohon untuk permohonan pembaharuan sahaja); dan

- iv. Ringkasan bahan mentah/ ramuan [rujuk Lampiran F- Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020].
- \* Dokumen sokongan (*hardcopy*) lain seperti yang dinyatakan dalam sistem permohonan pembaharuan perlu dihantar ke Bahagian Pengurusan Halal, JHEAIPP dalam tempoh 14 hari bekerja selepas tempoh PKP tamat.

## 2.2 BAYARAN FI PEMROSESAN DAN FI PENSIJILAN

### 2.2.1 Pengeluaran surat caj fi pemprosesan.

(Fi pemprosesan hendaklah dibayar dalam tempoh 5 hari selepas penerimaan surat caj fi pemprosesan melalui e-mel)

### 2.2.2 Pengeluaran surat caj fi pensijilan melalui Sistem MYeHalal.

### 2.2.3 Pembayaran hendaklah dibuat kepada:

**Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)**  
**(Bank Islam, no akaun: 07025010020907)**

### 2.2.4 Pembayaran boleh dibuat secara:

- i. Atas talian - *Instant Transfer*
  - Sila pastikan semua maklumat berikut dinyatakan semasa bayaran:
    - a. Nama syarikat
    - b. No permohonan fail (6 digit terakhir)
    - c. Diikuti *coding* "BPH44"
    - d. Tujuan: Bayaran Fi Pemprosesan/ Bayaran Fi Pensijilan Halal
  - \* Contoh: Syarikat Covid Sdn Bhd (224466) BPH44
- ii. *Bank in* di mana-mana kaunter **Bank Islam Malaysia Berhad**
  - *Bank in* tunai / *cheque* hanya boleh dilakukan di kaunter bank sahaja.
  - *Bank in* tunai/ *cheque* melalui mesin atau pos TIDAK AKAN diterima.

- 2.2.5 Simpan salinan bukti pembayaran;
- 2.2.6 Status bayaran hendaklah dimaklumkan kepada Bahagian Pengurusan Halal, JHEAIPP melalui email (lampirkan bersama salinan bukti pembayaran); dan
- 2.2.7 Resit bayaran akan dikeluarkan setelah bukti pembayaran dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Halal, JHEAIPP.

## 2.3 PENGAUDITAN LAPANGAN

Audit lapangan akan dilakukan selepas tamat tempoh PKP:

2.3.1 Bagi **permohonan baharu** iaitu:

- i. permohonan kali pertama; dan
- ii. penambahan premis/ *outlet*

\* Bagaimanapun, pengecualian akan diberikan kepada kes-kes permohonan tertentu yang penting dan memerlukan kelulusan segera iaitu sama ada dengan melakukan proses audit atau kelulusan akan dikeluarkan dahulu dan akan disusuli dengan lawatan audit lapangan selepas tamat tempoh PKP; dan

2.3.2 Manakala bagi **permohonan pembaharuan** (termasuk rumah sembelihan dan hotel), permohonan skim pengilangan kontrak (OEM) dan penambahan produk/ menu, kelulusan akan dikeluarkan tanpa menjalani proses audit lapangan dan akan disusuli dengan pemantauan selepas tamat tempoh PKP.

## **2.4 PENGELUARAN SPHM**

- 2.4.1 Sebarang urusan berkaitan pasca pensijilan boleh dihantar melalui e-mel rasmi iaitu [ehalal@penang.gov.my](mailto:ehalal@penang.gov.my);
- 2.4.2 Surat makluman keputusan permohonan akan dihantar kepada pemohon melalui e-mel; dan
- 2.4.3 Pemohon akan dihubungi untuk mengambil Sijil Pengesahan Halal Malaysia setelah sijil siap dicetak dan diposkan oleh pihak JAKIM, Putrajaya.

## **3.0 TARIKH KUATKUASA**

Garis panduan ini berkuatkuasa bermula jam 12.01 tengah malam, Rabu, 13 Januari 2021 dan tertakluk untuk pelaksanaan permohonan Pensijilan Halal Malaysia bagi Negeri Pulau Pinang dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 pada tahun 1442H/2021M sahaja.